

**Arahan Am:**

1. *Kertas ujian ini mengandungi empat bahagian: Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.*
2. *Kamu dikehendaki menjawab semua soalan.*

Bahagian A
[10 markah]

Soalan 1 dan 2

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. "Patik _____ perintah tuanku," kata Laksamana Dali kepada Sultan Mahmud.
 A menjunjung
 B merafak
 C menganugerahi
 D menghadap
2. "Kamu pergilah ke dewan kerana Bani berada di _____ untuk membantu Cikgu Halim," kata Mira kepada Alia.

- A sini
B itu

- C sana
D ini

Soalan 3

Pilih ayat yang betul.

3. A Zaidi memandu kereta dengan cermat supaya selamat.
 B Sekolah Mei Li terletak agak jauh daripada rumahnya.
 C Alex menampalkan hebahan pertandingan syarahan kepada papan kenyataan di kelasnya.
 D Para murid-murid perlu meminta izin guru sebelum keluar kelas.

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Kelab Keselamatan SJKC Chung Hwa melancarkan Kempen Keselamatan Diri untuk mendidik murid-murid agar sentiasa berwaspada ketika berada di sekolah. Melalui kempen ini, Encik Kumar, Pegawai Polis dari Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya telah dijemput untuk menyampaikan ceramah.

Dalam ceramah tersebut, Encik Kumar menyampaikan panduan keselamatan ketika berada di sekolah. Antaranya, murid-murid tidak perlu terburu-buru ketika menuruni tangga, tidak berlari-lari di dalam kawasan sekolah, tidak bermain dengan alatan yang tajam dan berat ketika hendak membeli makanan di kantin. Beliau menasihati murid-murid agar patuh kepada peraturan sekolah demi keselamatan diri.

4. Encik Kumar merupakan seorang pegawai polis dari
A Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.
B Ibu Pejabat Polis Daerah Serdang.
C Ibu Pejabat Polis Daerah Seremban.
D Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya.
5. Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
A Kelab Kesihatan SJKC Chung Hwa melancarkan program Kempen Keselamatan Diri.
B Pegawai tentera telah dijemput untuk menyampaikan ceramah.
C Murid-murid dinasihati agar patuh kepada peraturan sekolah demi keselamatan diri.
D Kempen ini dilancarkan bagi memastikan murid-murid berada di dalam kelas.
6. Berikut panduan keselamatan ketika berada di sekolah berdasarkan teks petikan, *kecuali*
A bermain dengan alatan tajam.
B tidak terburu-buru semasa menuruni tangga.
C tidak berlari-lari di dalam kawasan sekolah.
D beratur ketika membeli makanan di kantin.

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

KEMPEN SAYANGI NYAWA ANDA

Anjuran : Kelab Keselamatan Jabatan Pendidikan Negeri Kedah

Tarikh : 6 April 2024 (Sabtu)

Tempat : Dataran Alor Setar

Masa : 8:00 pagi – 6:00 petang

Tujuan : Memupuk rasa tanggungjawab untuk menjaga keselamatan dan mendidik murid-murid tentang kepentingan menjaga keselamatan di jalan raya

Aktiviti Menarik:

- Majlis pelancaran Kempen Sayangi Nyawa Anda
- Ceramah tentang keselamatan diri
- Pameran keselamatan
- Pertandingan lalu lintas
- Pertandingan melukis poster

Semua sekolah di sekitar Alor Setar dijemput hadir. Banyak manfaat akan diperoleh oleh murid-murid.

BAHAN 2

Nadia : Kempen Keselamatan yang diadakan di sekolah memberikan banyak *manfaat* kepada murid-murid. Mereka dapat belajar tentang cara-cara menjaga keselamatan diri di sekolah.

Leela : Benar kata kamu, Nadia. Sebagai murid, kita harus mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh pihak sekolah. Kita juga perlu menjaga disiplin demi keselamatan kita.

Nadia : Bersempena dengan kempen ini, pihak sekolah telah memasang kamera litar tertutup untuk memantau keselamatan dan pergerakan murid.

Leela : Kita haruslah menjadi murid yang bertanggungjawab terhadap keselamatan diri agar kadar kemalangan di sekolah dapat dikurangkan.

7. Tujuan Kempen Sayangi Nyawa Anda diadakan adalah untuk

- A memberikan maklumat kepada murid-murid tentang keselamatan di jalan raya.
- B memupuk rasa tanggungjawab untuk menjaga keselamatan dan mendidik murid-murid tentang kepentingan keselamatan di jalan raya.
- C memberikan maklumat tentang keselamatan di sekolah sahaja.
- D memastikan murid-murid mematuhi peraturan jalan raya.

8. Semua sekolah di sekitar Alor Setar dijemput hadir.

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah

- A butir.
- B biji.

C buah.

D bilah.

9. Perkataan *manfaat* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan

- A faedah.
- B kaedah.
- C pelajaran.
- D peraturan.

10. Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.

- A Kempen Sayangi Nyawa Anda diadakan pada hari Selasa.
- B Pihak sekolah telah memasang alat penyaman udara di sekolah.
- C Program Kempen Keselamatan tidak memberi manfaat kepada murid-murid.
- D Murid-murid haruslah mematuhi peraturan dan berdisiplin demi menjaga keselamatan.

Bahagian B
[10 markah]

Soalan 1

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada hari Sabtu yang lalu, penduduk Taman Indah mengadakan pertandingan rumah tercantik dan ceria. Tujuan pertandingan ini diadakan adalah untuk memastikan rumah sentiasa bersih dan cantik. Penduduk Taman Indah bertungkus lumus mencantikkan kawasan persekitaran rumah. Mereka mengecat rumah dan pagar, menghias halaman rumah dengan pokok bunga, dan sebagainya.

Setiap rumah akan dinilai dan diberi markah. Rumah yang mendapat markah tertinggi akan menjadi juara. Hadiah menarik turut disediakan kepada para pemenang seperti sijil penyertaan, hamper, barangan elektrik, dan lain-lain lagi. Penduduk memberikan sambutan yang amat menggalakkan. Mereka sangat gembira dan berharap aktiviti ini diadakan pada setiap tahun.

1. (a) Penduduk Taman Indah mengadakan pertandingan rumah tercantik dan ceria pada hari _____.

1 markah

- (b) Apakah tujuan pertandingan rumah tercantik dan ceria diadakan?

2 markah

- (c) *Bulatkan satu kata adjektif yang terdapat dalam ayat yang diberikan.*

Mereka sangat gembira dan berharap aktiviti ini diadakan pada setiap tahun.

1 markah

- (d) *Pilih dan tuliskan (BETUL) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.*

Penduduk memberikan sambutan yang amat menggalakkan.

Sambutan yang amat menggalakkan diberikan oleh penduduk. sama lain.	
Amat menggalakkan penduduk memberikan sambutan.	

1 markah